

Transformasi Asnaf Miskin kepada Usahawan Mampan: Satu Model Empirikal Daya Saing

Transforming Asnaf Miskin Into Sustainable Entrepreneurs: An Empirical Model of Competitiveness

Suraini Saufi

Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, Email: suraini@kias.edu.my

ABSTRACT

Business sustainability among asnaf entrepreneurs is a crucial issue in ongoing efforts to improve the living standards of low-income groups. Despite various forms of assistance, many asnaf entrepreneurs still face challenges in maintaining their businesses' continuity and growth over the long term. Therefore, this empirical study was conducted to identify and examine the relationship between competitiveness factors which is savings, zakat assistance, and networking and the business sustainability of asnaf entrepreneurs. A total of 347 data sets were collected through questionnaires distributed to asnaf entrepreneurs in the states of Kelantan, Terengganu, and Pahang. The data were analyzed using SPSS and Smart PLS software. The findings revealed that two out of three hypotheses were supported, indicating that savings and networking significantly influence business sustainability. The results emphasize the importance of an integrated approach that combines financial, social, and community support to enhance the competitiveness of asnaf entrepreneurs. Overall, this study offers valuable insights and serves as a strategic guide for zakat agencies, policymakers, and relevant stakeholders in empowering asnaf entrepreneurship toward sustainable economic development.

Keywords: Asnaf, entrepreneurs, sustainability, competitiveness

ABSTRAK

Kelestarian perniagaan dalam kalangan usahawan asnaf merupakan isu kritikal dalam usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah secara berterusan. Walaupun pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan, kebanyakan usahawan asnaf masih berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan kelangsungan dan kemajuan perniagaan mereka dalam jangka panjang. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan secara empirikal bagi mengenal pasti serta menguji hubungan antara faktor daya saing iaitu simpanan, bantuan zakat, dan jaringan kerja terhadap kelestarian perniagaan usahawan asnaf. Sebanyak 347 set data telah diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada usahawan asnaf di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan Smart PLS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dua daripada tiga hipotesis disokong, iaitu terdapat pengaruh signifikan simpanan dan jaringan kerja terhadap kelestarian perniagaan. Hasil kajian ini menegaskan keperluan pendekatan bersepadu yang menggabungkan sokongan kewangan, sosial dan komuniti bagi memperkukuh daya saing usahawan asnaf. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi implikasi penting sebagai panduan strategik kepada agensi zakat, pembuat dasar, dan pihak berkepentingan dalam memperkasa keusahawanan asnaf ke arah pembangunan ekonomi yang mampan.

Kata kunci: Asnaf, usahawan, kelestarian, daya saing

How to Cite:

Received: 02-11-2025
Accepted: 20-11-2025
Published: 30-11-2025

Suraini, S. (2025). Transformasi Asnaf Miskin Kepada Usahawan Mampan: Satu Model Empirikal Daya Saing. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(2), 100–114.

1.0 Pengenalan

Kelestarian perniagaan mencerminkan keupayaan usahawan untuk mengekalkan operasi dan pertumbuhan perniagaan secara berterusan dalam jangka panjang. Elemen ini memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara kerana ia bukan sahaja menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan nasional, malah turut memperbaiki taraf hidup masyarakat serta merangsang inovasi yang mampu memperkukuh daya saing pada peringkat global (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, 2023; Zulkiffli et al., 2022). Menurut Epstein dan Rejc Buhovac (2014), kelestarian perniagaan berfungsi sebagai asas kepada pembentukan strategi jangka panjang yang memperkukuh daya saing organisasi, meningkatkan kepercayaan pelanggan serta mengurangkan risiko operasi. Pendekatan ini membolehkan perniagaan mengekalkan kesinambungan operasi walaupun berdepan dengan ketidakpastian ekonomi dan gangguan pasaran. Sehubungan itu, perniagaan yang lestari dapat dilihat sebagai entiti yang bukan sahaja bertahan semasa krisis, tetapi turut berupaya menyesuaikan diri secara strategik terhadap perubahan persekitaran global (Patra & Lenka, 2024; Kılıç & Atilla, 2024).

Meskipun kelestarian perniagaan menjadi matlamat utama organisasi, pencapaiannya tidak mudah kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Kajian lepas menunjukkan kadar kegagalan perniagaan kekal tinggi pada peringkat global, mencerminkan kerentanan struktur perniagaan terhadap perubahan ekonomi dan geopolitik. Menurut Ab Wahid et al. (2019), prestasi perniagaan amat terkesan oleh keadaan ekonomi global, sebagaimana yang berlaku semasa pandemik COVID-19 apabila sekatan pergerakan, gangguan rantai bekalan dan konflik seperti peperangan di Ukraine menjejaskan pertumbuhan ekonomi dunia (IMF, 2022). Statistik terkini di Amerika Syarikat menunjukkan hampir 90% perniagaan baharu gagal bertahan dalam tempoh sepuluh tahun pertama (*U.S. Bureau of Labor Statistics*, 2024), menggambarkan bahawa kelestarian perniagaan sangat bergantung kepada kestabilan ekonomi, kecekapan pengurusan dan keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran.

Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka turut terkesan dengan situasi tersebut. Laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) oleh Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) iaitu sebuah institusi kewangan milik kerajaan telah menunjukkan bahawa unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2024 mempunyai kaitan rapat dengan peningkatan kadar kemiskinan dan kegagalan perniagaan. Kemelesetan ekonomi pada tahun 2020 (-5.5%) akibat pandemik telah menyebabkan peningkatan ketara kadar kemiskinan, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah. Walaupun tanda-tanda pemulihan ekonomi mula kelihatan pada 2022 hingga 2024 (sehingga 4.9%), pertumbuhan yang tidak seimbang serta tekanan kos sara hidup yang berterusan terus menjejaskan ketahanan perniagaan kecil dan sederhana, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kadar kegagalan perniagaan dalam sektor-sektor yang terkesan seperti runcit dan hospitaliti (MIDF Research, 2024).

Kegagalan dalam kelangsungan perniagaan turut memburukkan lagi keadaan ekonomi negara. Menurut Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam Laporan Tahunan SSM bagi tahun 2022, sebilangan besar perniagaan di Malaysia telah mengalami kegagalan operasi. Secara keseluruhan, statistik menunjukkan peningkatan sebanyak 28 peratus dalam jumlah syarikat yang digulung pada tahun 2022, iaitu 2,914 syarikat berbanding 2,112 syarikat pada

tahun 2021. Selain itu, jumlah syarikat yang dibubarkan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 34 peratus, dengan 2,477 syarikat berbanding 1,634 syarikat pada tahun sebelumnya (Laporan Tahunan SSM, 2022). Statistik dalam laporan tersebut tidak menunjukkan jumlah perniagaan daripada asnaf, namun implikasinya tetap merangkumi kumpulan ini kerana mereka beroperasi dalam pasaran yang sama dan berisiko lebih tinggi disebabkan keterbatasan sumber.

Dalam memahami isu kelestarian perniagaan dalam kalangan usahawan asnaf, kajian ini berpaksikan kepada Teori Pandangan Berasaskan Sumber (*Resource-Based View, RBV*). Teori ini menegaskan bahawa keupayaan organisasi atau individu untuk mencapai kelebihan daya saing yang mampan bergantung kepada keunikan dan nilai sumber dalaman yang dimiliki sama ada berbentuk kewangan, pengetahuan, kemahiran, mahupun jaringan sosial (Barney, 1991). Dalam konteks usahawan asnaf, sumber-sumber ini menjadi faktor penentu terhadap kelestarian perniagaan kerana mereka sering beroperasi dengan kekangan modal, kemahiran, dan akses pasaran. Melalui kerangka RBV, kajian ini melihat bagaimana elemen seperti simpanan, bantuan zakat, dan jaringan kerja berfungsi sebagai aset strategik yang boleh meningkatkan daya saing serta memperkukuh kelangsungan perniagaan asnaf. Walau bagaimanapun, teori ini turut mengingatkan bahawa sumber-sumber tersebut hanya mampu memberi kelebihan jangka panjang sekiranya dimanfaatkan secara efektif, sukar ditiru, dan disokong oleh strategi pengurusan yang bersepadu. Justeru, analisis berasaskan RBV membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana transformasi asnaf kepada usahawan mampan dapat dicapai melalui pengoptimuman sumber dalaman yang tersedia.

2. Sorotan Kajian

Dalam konteks pengagihan zakat, terdapat lapan kategori asnaf yang dinyatakan dalam al-Quran, iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, *gharimin* (berhutang), *fi sabilillah* dan *ibn sabil* (musafir). Setiap kategori mempunyai kelayakan serta bentuk bantuan yang berbeza berdasarkan keperluan dan keadaan sosioekonomi masing-masing. Namun demikian, kajian ini memberikan penumpuan khusus kepada kategori miskin, iaitu golongan yang mempunyai pendapatan tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas kehidupan. Kategori ini dianggap paling kritikal kerana mereka bukan sahaja memerlukan bantuan kewangan, tetapi juga sokongan jangka panjang seperti pembangunan keusahawanan, peningkatan kemahiran dan sokongan modal bagi membantu mereka keluar daripada kitaran kemiskinan (Sulhaini et al., 2024). Justeru, memahami faktor yang mempengaruhi prestasi dan kelestarian perniagaan dalam kalangan asnaf miskin adalah penting bagi menilai keberkesanan zakat sebagai instrumen intervensi sosioekonomi.


Sehubungan itu, pemilihan ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini disokong oleh pelbagai kajian lepas yang menekankan bahawa faktor daya saing dan sokongan sumber merupakan elemen penting dalam menentukan prestasi serta kelangsungan perniagaan (Ayob et al., 2023; Saufi et al., 2023; Hashim et al., 2020; Abbas et al., 2019). Dapatan kajian tersebut turut menunjukkan bahawa keupayaan usahawan dalam mengurus sumber kewangan, membina hubungan sosial strategik, serta mendapatkan bantuan institusi berkait secara langsung dengan prestasi operasi dan pertumbuhan perniagaan. Dalam konteks asnaf miskin, faktor-faktor ini menjadi lebih signifikan kerana mereka lazimnya beroperasi dengan sumber yang terhad dan memerlukan rangsangan tambahan untuk membina kapasiti keusahawanan. Selain itu, prestasi dan kelestarian perniagaan dilihat saling melengkapi; prestasi yang konsisten mencerminkan kecekapan pengurusan serta keberkesanan strategi, manakala kelestarian memastikan perniagaan mampu bertahan dalam persekitaran yang dinamik. Oleh itu, teori RBV menjadi asas konseptual yang kukuh dalam menerangkan bagaimana ketiga-tiga

faktor ini bertindak sebagai pemangkin pembangunan kapasiti usahawan dan pertumbuhan perniagaan secara lestari dalam kalangan asnaf miskin.

Selanjutnya, pemilihan pemboleh ubah dalam kajian ini turut berasaskan Model Lussier (1996) yang mengenal pasti pelbagai faktor kejayaan dan kegagalan perniagaan kecil dan sederhana. Model tersebut menekankan bahawa kejayaan sesebuah perniagaan banyak bergantung kepada keupayaan usahawan dalam merancang, mengurus sumber dan membina strategi yang sistematik. Dalam konteks ini, usahawan yang mempunyai simpanan kewangan yang mantap berupaya menampung keperluan modal operasi, manakala penerimaan bantuan zakat yang diurus secara efektif mampu menyediakan sokongan kewangan tambahan serta mengurangkan risiko aliran tunai. Pada masa yang sama, jaringan kerja yang luas membolehkan usahawan memperoleh akses kepada maklumat, pelanggan, serta peluang kolaborasi baharu yang menyokong pertumbuhan perniagaan.

Ketiga-tiga elemen ini iaitu simpanan, bantuan zakat dan jaringan kerja, bukan sahaja berfungsi sebagai faktor sokongan ekonomi dan sosial, tetapi juga berperanan memperkuat keupayaan strategik usahawan untuk membuat keputusan yang lebih baik, menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran, serta mengekalkan daya tahan dalam menghadapi cabaran perniagaan. Secara keseluruhannya, gabungan teori RBV dan model Lussier memberikan asas empirikal dan konseptual yang kukuh dalam menjelaskan bagaimana pembangunan kapasiti individu dan sokongan institusi dapat menyumbang secara langsung kepada kelestarian perniagaan usahawan, khususnya dalam kalangan usahawan asnaf di Malaysia.

Rajah 1: Kerangka Kajian



2.1 Kelestarian Perniagaan

Kelestarian perniagaan mempunyai pelbagai tafsiran kerana konsep ini melibatkan pelbagai pandangan dan tidak terhad kepada perspektif ekonomi atau kewangan semata-mata (Silvestri et al., 2024). Pandangan ini seiring dengan hujah bahawa kelestarian merupakan konsep yang kompleks dan bersifat multidimensi (Nor Hasni, 2011). Antara kajian awal yang membincangkan konsep ini ialah oleh Watson, Horgath-Scott dan Wilson (1998) yang mentakrifkan kelestarian perniagaan sebagai keupayaan usahawan untuk meneruskan aktiviti perniagaan mereka secara berterusan. Selanjutnya, Solymossy (1998) serta Paige dan Littrell (2002) memperluas skop definisi ini dengan menekankan dua dimensi utama, iaitu dalaman dan luaran. Dari segi aspek dalaman, kelestarian dilihat apabila usahawan merasakan kebebasan, keupayaan mengawal masa depan, serta peluang menjadi majikan kepada diri sendiri. Sementara itu, dari sudut aspek luaran, perniagaan dianggap lestari apabila ia menjana keuntungan, meningkatkan pendapatan peribadi dan menambah kekayaan usahawan.

Seiring dengan pelbagai tafsiran terdahulu, kajian terkini mengenai kelestarian perniagaan turut menekankan kepentingan memahami konsep ini dalam konteks yang lebih menyeluruh. Antara kajian mutakhir ialah kajian oleh Chungyalpa dan von Rosing (2025) dari India yang meneliti konsep, kepentingan serta pelaksanaan amalan perniagaan lestari. Dapatan kajian tersebut mengenal pasti beberapa faktor utama yang menyumbang kepada kelestarian, termasuk penggunaan sumber secara berhemat, pengurangan sisa, serta pemeliharaan biosfera. Namun begitu, kajian ini didapati masih kurang menonjolkan perspektif pemilik perniagaan kecil, kerana tumpuannya lebih bersifat umum terhadap sektor swasta, tanpa memberi perhatian khusus kepada cabaran unik yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam mengamalkan kelestarian perniagaan.

2.2 Simpanan

Simpanan merujuk kepada sumber kewangan yang diperoleh daripada pendapatan yang tidak dibelanjakan, dan digunakan bagi keperluan masa hadapan atau sebagai modal pelaburan (Hashim et al., 2020). Simpanan memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti perniagaan usahawan, khususnya apabila ia turut berfungsi sebagai modal utama bagi membiayai dan mengembangkan perusahaan yang dijalankan. Hasil kajian oleh Abdul Manaf et al. (2012) menunjukkan bahawa lebih separuh daripada usahawan, iaitu sekitar 57%, memperoleh modal perniagaan mereka daripada sumber simpanan sendiri. Bagi memastikan perniagaan mampu bertahan dalam jangka panjang, Ayob et al. (2017) menegaskan bahawa usahawan perlu memiliki kemahiran pengurusan simpanan yang baik agar dapat digunakan sebagai dana kecemasan (kontigensi) serta meningkatkan kestabilan operasi perniagaan.

Kelemahan dalam pengurusan kewangan dikenal pasti sebagai salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan usahawan, khususnya dalam kalangan perniagaan kecil dan sederhana (PKS) (Abdul Rahman, Ahmad, Muhammad Yusuf, Abdul Pisal, Md Nasir & Mohd Nor, 2023). Menurut kajian oleh Abdul Rahman et al. (2023) yang merujuk kepada statistik Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI), jumlah kes penggulangan syarikat yang didaftarkan antara Mac 2020 hingga Julai 2021 menunjukkan peningkatan yang ketara. Tempoh tersebut merupakan masa yang amat mencabar bagi usahawan, berikutan kesan pandemik COVID-19 yang menjejaskan aktiviti perniagaan. Antara punca utama ialah kelemahan dalam pengurusan kewangan dan sistem simpanan, yang menyebabkan ramai usahawan tidak mampu menampung kos operasi, menanggung kerugian berpanjangan, serta gagal melunaskan hutang apabila keuntungan merosot sepanjang tempoh pandemik.

Pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan usahawan, khususnya ketika berdepan dengan situasi mencabar seperti pandemik, memperlihatkan betapa pentingnya perancangan simpanan yang sistematik bagi menjamin kelangsungan perniagaan. Dalam konteks ini, simpanan berfungsi bukan sahaja sebagai perlindungan kewangan ketika krisis, tetapi juga sebagai asas kestabilan dan kelestarian perniagaan dalam jangka panjang. Beberapa kajian turut menegaskan bahawa simpanan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia, sama ada dalam kalangan pekerja sektor awam (Abd Rahman et al., 2020) mahupun usahawan dalam sektor perniagaan, terutamanya bagi memastikan kelestarian perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (Abdul Rahman et al., 2023; Ahmad & Yusop, 2021; Pulka et al., 2020; Rahman & Othman, 2021; Yakob et al., 2021).

Kajian-kajian lepas secara konsisten menunjukkan bahawa kekangan dari aspek modal kewangan merupakan antara faktor utama yang menghalang usahawan daripada mengekalkan kelangsungan perniagaan mereka (Abang Abai et al., 2020; Ali Amaran & Hamzah, 2021; Ayob et al., 2023; Dina et al., 2021; Mat Rani et al., 2020; Mohd Arif, 2021; Mohd Khalil & Mohamed Saniff, 2024; Mohd Yusof et al., 2020). Simpanan yang mencukupi berperanan penting sebagai penampungan kewangan dan sumber modal dalaman yang membantu usahawan

menghadapi ketidakpastian ekonomi, kenaikan kos operasi serta turun naik pasaran. Kajian yang dijalankan oleh Soukotta et al. (2022) terhadap usahawan wanita di Bandung, Indonesia, mendapati bahawa tahap literasi kewangan yang baik serta kemampuan mengekalkan simpanan yang stabil memberi ruang kepada mereka untuk membuat keputusan strategik tanpa tekanan kewangan yang berlebihan. Oleh itu, tabiat menabung bukan sekadar langkah berjaga-jaga, tetapi turut berfungsi sebagai instrumen strategik yang menyokong pertumbuhan dan kesinambungan perniagaan dalam jangka panjang.

Dalam konteks kelestarian perniagaan, simpanan berperanan sebagai asas kewangan yang membolehkan usahawan melabur dalam inovasi, mengembangkan operasi, serta mengambil peluang perniagaan baharu. Menurut Bii et al. (2024), simpanan merupakan salah satu komponen utama dalam literasi kewangan, di samping pelaburan, pinjaman, perakaunan, takaful dan insurans. Kajian tersebut mendapati bahawa literasi kewangan mempunyai hubungan positif yang lemah tetapi signifikan terhadap kelestarian perniagaan, dan mencadangkan agar penekanan terhadap literasi kewangan diberikan sebagai faktor penentu penting dalam memastikan kelangsungan perniagaan, khususnya dalam kalangan usahawan muda. Selain itu, kajian tersebut turut menekankan kepentingan latihan dan pembangunan kemahiran keusahawanan untuk dimasukkan dalam dasar perdagangan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan kewangan usahawan.

Dalam kajian lain, Mohd Noor et al. (2024) menilai tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan wanita perniagaan mikro di Malaysia serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakcelikan kewangan. Kajian ini melibatkan 100 responden melalui soal selidik dan 20 peserta melalui temu bual mendalam dalam kalangan usahawan wanita mikro tempatan. Data tinjauan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensial, manakala data temu bual diproses melalui analisis tematik bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang tahap pengetahuan dan amalan kewangan golongan ini. Hasil dapatan tinjauan menunjukkan bahawa majoriti usahawan wanita masih berada pada tahap literasi kewangan yang rendah, sedangkan tahap literasi tersebut didapati mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi dan kejayaan perniagaan mereka. Kajian ini turut mengenal pasti bahawa sebahagian besar responden belum mengamalkan sistem perakaunan yang tersusun, menghadapi kesukaran membezakan antara urusan kewangan peribadi dan perniagaan, serta tidak memiliki tabungan yang terancang. Selain itu, mereka juga kurang berusaha menentukan kos pengeluaran dan menetapkan harga jualan dengan tepat, yang seterusnya menjejaskan pengurusan kewangan perniagaan secara keseluruhan.

Oleh itu, peranan institusi kewangan dan kerajaan amat penting dalam memperkukuh amalan simpanan dalam kalangan usahawan, antaranya melalui program pendidikan kewangan dan skim simpanan khas yang disasarkan kepada golongan usahawan (Kadir & Wijaya, 2024; Saufi et al., 2021; Saufi & Abu Hasan Shaari, 2023; Labanihuda & Rahman, 2023; Moen et al., 2012). Inisiatif intervensi sedemikian perlu dilaksanakan secara lebih bersasar, khususnya kepada usahawan mikro, kecil dan asnaf yang berhadapan dengan cabaran besar untuk membina simpanan yang mampan. Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa simpanan memberi pengaruh positif terhadap kelestarian perniagaan usahawan. Dengan menyediakan asas kewangan yang kukuh, simpanan berupaya meningkatkan daya tahan perniagaan, menyokong pertumbuhan, serta mengurangkan risiko kegagalan. Sehubungan itu, hipotesis berikut dikemukakan:

H₁: Faktor simpanan mempunyai pengaruh positif terhadap kelestarian perniagaan usahawan asnaf

2.3 Bantuan Zakat

Pemboleh ubah bantuan zakat dalam kajian ini ditakrifkan sebagai sumber sokongan kewangan yang disalurkan melalui instrumen zakat bagi membantu usahawan memulakan atau mengembangkan perniagaan (Hashim et al., 2020). Sumber bantuan ini merangkumi pelbagai jenis zakat seperti zakat perniagaan dan zakat pendapatan yang menjadi antara komponen utama dana agihan. Kebanyakan kajian terdahulu yang meneliti hubungan antara bantuan dan keusahawanan turut menekankan bahawa bantuan kewangan merupakan sumber modal yang penting bagi usahawan, khususnya dalam fasa permulaan dan pengembangan perniagaan (Abd Rashid et al., 2018; Ahmad & Abdul Rahman, 2011; Abang Abai et al., 2019).

Kajian oleh Abdul Ghafar et al. (2017) yang menilai keberkesanan bantuan modal zakat terhadap usahawan asnaf miskin di Terengganu melalui Model Pembangunan Usahawan Asnaf MAIDAM (PUASMA) mendapati bahawa bantuan zakat berpotensi membantu meningkatkan perkembangan perniagaan usahawan asnaf. Namun begitu, mereka mengenal pasti tiga faktor utama yang menghalang pencapaian kejayaan maksimum, iaitu pemilihan penerima asnaf yang kurang efisien, kekurangan pemantauan berterusan, dan ketiadaan bimbingan sistematik. Kajian susulan oleh Harun dan Ab Rahman (2023) pula menekankan keperluan agar institusi zakat menambah baik proses agihan bantuan modal dengan memastikan dana tersebut disalurkan kepada penerima yang benar-benar layak. Pendekatan ini penting bagi memastikan usahawan asnaf dapat memanfaatkan bantuan secara optimum, seterusnya membangun keupayaan berdikari tanpa bergantung kepada bantuan zakat pada masa hadapan. Dapatan dan cadangan daripada kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa bantuan zakat yang diurus secara strategik mampu memberi impak positif terhadap kejayaan dan kelestarian perniagaan usahawan asnaf.

Walaupun bantuan modal perniagaan daripada dana zakat terbukti mampu menyokong pembangunan ekonomi asnaf, namun pelaksanaannya tidak terlepas daripada cabaran. Suffian et al. (2024) menegaskan bahawa terdapat penerima yang menyalahgunakan bantuan tersebut atau gagal memikul tanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan modal yang diterima. Sehubungan itu, Mohd Azamri dan Ibrahim (2024) telah menjalankan satu kajian kes di MAIDAM, Terengganu bagi meneliti potensi pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf zakat. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan dana zakat untuk pembiayaan mikro kredit dibenarkan dalam keadaan tertentu dan boleh berperanan sebagai modal awal atau tambahan bagi membantu usahawan asnaf mengembangkan perniagaan. Antara instrumen kontrak syariah yang sesuai digunakan termasuk qard hasan, mudarabah, musyarakah mutanaqisah, dan ijara.

Selain membincangkan aspek hukum dan definisi pembiayaan mikro kredit, kajian tersebut turut mencadangkan agar model pelaksanaan dari negara lain dijadikan rujukan bagi memperkukuh amalan institusi zakat di Malaysia. Walaupun penyelidikan dalam bidang ini masih terhad, para sarjana berpandangan bahawa pembiayaan mikro berasaskan zakat berpotensi menjadi mekanisme berkesan dalam mengubah asnaf kepada golongan pembayar zakat pada masa hadapan.

Pandangan ini turut disokong oleh kajian kualitatif Mohd Khalil dan Mohamed Saniff (2024) yang meneliti skim bantuan pembiayaan modal untuk usahawan asnaf di Malaysia. Dapatan kajian mereka mengesahkan bahawa pembiayaan merupakan faktor penting dalam memperkasa keusahawanan asnaf, namun masih terdapat beberapa kekangan, seperti isu birokrasi, kadar faedah yang membebankan, serta kelemahan dalam penilaian kelayakan penerima. Kekangan ini dilihat menyukarkan akses asnaf terhadap kemudahan pembiayaan. Oleh itu, penyelidikan masa depan disarankan untuk meneliti secara mendalam cabaran pelaksanaan program pembiayaan mikro serta mencadangkan penambahbaikan dasar dan

prosedur agar sistem pembiayaan zakat dapat dilaksanakan secara lebih inklusif, mesra pengguna, dan efektif dalam menjamin kelangsungan perniagaan asnaf.

Bagi pihak institusi pengurusan zakat, pelaksanaan bantuan modal perniagaan diteruskan dengan keyakinan bahawa suntikan modal ini mampu meningkatkan motivasi usahawan asnaf, sekali gus menyokong pertumbuhan dan kelestarian perniagaan mereka. Langkah ini juga dilihat sebagai strategi jangka panjang untuk membantu golongan fakir dan miskin keluar daripada kitaran kemiskinan melalui pembangunan keusahawanan yang mampan. Selaras dengan perkembangan teknologi kewangan (Fintech) dan tuntutan era digital, institusi zakat yang telah dikorporatkan mula memperkenalkan pengagihan zakat berbentuk pembiayaan mikro kredit kepada golongan asnaf. Inisiatif ini dianggap sebagai pendekatan inovatif dalam menyalurkan bantuan zakat, menjadikan pengurusan zakat lebih relevan, adaptif dan responsif terhadap keperluan ekonomi semasa.

Kajian oleh Ibrahim dan Ali (2024) yang meneliti pelaksanaan pembiayaan mikro kredit oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mendapati bahawa terdapat perbezaan dari segi mekanisme dan peruntukan agihan zakat antara kedua-dua institusi. Berdasarkan analisis mereka, satu model pembiayaan mikro kredit khusus untuk asnaf dicadangkan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan impak ekonomi program tersebut. Inovasi pembiayaan mikro zakat ini dilihat berpotensi merangsang aktiviti ekonomi kecil, menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan asnaf, serta menyumbang kepada peningkatan daya tahan ekonomi komuniti berpendapatan rendah.

Kepercayaan terhadap keberkesanan bantuan modal zakat dalam memperkukuh kelangsungan perniagaan usahawan asnaf semakin mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik kontemporari. Pelbagai hasil penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa agihan zakat bukan sekadar instrumen kebajikan, tetapi juga berfungsi sebagai pemangkin pembangunan ekonomi dan keusahawanan sosial. Sebagai contoh, Kamaruddina, Abdul Manap, Dol Malek dan Kamarudin (2024) meneliti peranan zakat dan wakaf dalam memperkukuh struktur ekonomi umat Islam, dengan menegaskan bahawa kedua-dua instrumen ini saling melengkapi dalam membentuk ekosistem kewangan Islam yang mampan.

Sementara itu, Azlinda, Ab Rahman dan Shamsuddin (2024) menekankan kepentingan pendekatan pengurusan zakat yang strategik dan berkesan dalam usaha membasmi kemiskinan pasca pandemik, terutamanya melalui bantuan modal yang bersifat produktif. Kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan agihan zakat bergantung kepada ketelusan pengurusan, pemantauan prestasi penerima, serta kesinambungan sokongan latihan keusahawanan. Di samping itu, Ahmad, Isa, Sadek dan Lestari (2024) memperkenalkan Model al-Falāh Usahawan Asnaf yang berpaksikan sifat-sifat Rasulullah SAW seperti amanah, jujur dan tekun, bagi membentuk usahawan beretika dan berdaya saing. Model ini menggariskan bahawa pembangunan spiritual dan nilai moral merupakan asas kepada kejayaan ekonomi asnaf, serta berpotensi menjadikan mereka penyumbang semula kepada institusi zakat pada masa hadapan.

Selain itu, kajian oleh Asni, Zulkifli dan Yusli (2024) yang meneliti penerimaan institusi zakat di Malaysia terhadap pembiayaan mikro kredit-qard hasan melalui dana zakat (MCZF) menunjukkan potensi besar model ini dalam membantu usahawan asnaf pasca pandemik. Sementara itu, Othman (2024) pula memperkenalkan konsep Al-Waqful'ajil Biqardhil Hasan (WAQH) sebagai satu instrumen kewangan sosial baharu bagi membiayai projek-projek berkepentingan awam, dan Mastura, Suhana, Sari dan Anidaadha (2024) meneliti hadis-hadis berkaitan zakat dan kesejahteraan sosial dalam ekonomi Islam, yang memperkukuh kefahaman tentang peranan zakat sebagai pemangkin kesejahteraan ekonomi. Secara keseluruhannya, hasil dapatan daripada siri penyelidikan ini menunjukkan bahawa bantuan modal zakat memainkan peranan penting dalam memperkasa ekonomi asnaf dan

memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Berdasarkan justifikasi empirikal ini, maka hipotesis kajian ini dikemukakan seperti berikut:

H₂: Terdapat hubungan positif di antara faktor bantuan zakat dengan kelestarian usahawan asnaf di Malaysia

2.4 Jaringan Kerja

Jaringan kerja boleh difahami sebagai satu sistem hubungan yang dinamik antara individu, kumpulan atau organisasi yang saling berinteraksi bagi tujuan perkongsian maklumat, penyebaran idea serta pemberian sokongan strategik (Evans et al., 2017). Dalam konteks keusahawanan, jaringan ini bukan sahaja berfungsi sebagai saluran komunikasi, tetapi turut menjadi platform kolaboratif yang memperkukuh keupayaan individu atau organisasi untuk mencapai matlamat bersama. Melalui interaksi berterusan ini, wujud pertukaran sumber dan pengetahuan yang penting bagi memperluas peluang pasaran, memperkukuh inovasi, dan meningkatkan kecekapan pengurusan perniagaan.

Selain itu, jaringan kerja membentuk ekosistem sosial dan profesional yang merentasi pelbagai sektor seperti perniagaan, korporat, komuniti sosial, dan institusi pendidikan. Hubungan rentas sektor ini memperkayakan capaian kepada modal sosial, sumber kewangan, serta sokongan moral dan emosi yang diperlukan bagi mengekalkan daya tahan dan pertumbuhan organisasi (Aljabri & Mohammad, 2023; Berne-Manero & Marzo-Navarro, 2020; Thomassen et al., 2020). Oleh itu, kewujudan jaringan kerja yang mantap bukan sahaja membantu memperkukuh hubungan kolaboratif, tetapi juga menjadi asas penting dalam membina daya saing dan kelestarian jangka panjang dalam sesuatu ekosistem keusahawanan.

Kajian berkaitan jaringan kerja merangkumi pelbagai disiplin kerana konsep ini menjelaskan dinamika hubungan, pengaruh, dan pertukaran maklumat antara individu atau organisasi yang melintasi sempadan institusi dan sektor. Melalui pemahaman terhadap jaringan ini, penyelidik dapat menelusuri implikasi perubahan sosial dan ekonomi serta peranan jaringan dalam mendorong inovasi dan kemajuan pelbagai bidang. Dalam konteks keusahawanan, beberapa penyelidikan terdahulu telah menunjukkan hubungan signifikan antara kekuatan jaringan kerja dengan kejayaan perniagaan.

Sebagai contoh, kajian oleh Karami dan Tang (2019) terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di New Zealand mendapati bahawa keupayaan membina serta mengurus jaringan kerja menjadi faktor utama dalam proses pengantarabangsaan. Hal ini kerana PKS sering berhadapan dengan keterbatasan sumber dan kekurangan pengalaman untuk menembusi pasaran luar negara. Dapatan ini disokong oleh penyelidikan Torkkeli et al. (2019) yang meneliti lima industri utama di Finland iaitu besi, perabot, makanan, perisian, dan perkhidmatan profesional dan mendapati bahawa keupayaan mengurus jaringan kerja secara berkesan merupakan elemen penting bagi memastikan daya tahan serta kejayaan jangka panjang sesebuah organisasi.

Di Indonesia, Abdullah dan Kasmi (2024) telah menjalankan kajian yang meneliti pengaruh pemikiran keusahawanan, inovasi dalam pemasaran digital serta jaringan kerja terhadap prestasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Hasil penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa usaha memperkukuh minda keusahawanan, penguasaan strategi pemasaran digital dan pembangunan jaringan yang mantap merupakan faktor penting dalam meningkatkan daya saing serta prestasi perniagaan PKS.

Sementara itu, dalam sektor pelancongan, Sulhaini et al. (2024) meneliti pengurusan krisis dan ketahanan perniagaan pelancongan di Lombok dengan menumpukan kepada peranan dan tingkah laku jaringan kerja. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa pembentukan

jaringan yang terancang dan strategik mampu mempercepat proses pemulihan serta meningkatkan keupayaan perniagaan untuk bertahan dalam situasi mencabar.

Sementara itu, di Malaysia, Awang @ Mohd Noor et al. (2021) menegaskan bahawa jaringan perniagaan antara usahawan dapat diperkukuh melalui penyertaan dalam program latihan dan pembangunan kemahiran keusahawanan. Antara contoh yang relevan ialah program pembangunan PKS, yang melibatkan 304 pemilik dan pengurus PKS daripada sektor pembuatan, perkhidmatan dan lain-lain di 12 daerah di Negeri Perak. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan antara penyertaan dalam program pembangunan PKS, orientasi keusahawanan, dan kejayaan perniagaan. Berdasarkan hasil ini, Hasan dan Ab Halim (2021) mencadangkan agar usahawan PKS membina jaringan sosial dan kerjasama yang lebih kukuh dalam kalangan rakan perniagaan serta masyarakat bagi memperkukuh kedudukan dan kejayaan mereka.

Dalam konteks kajian ini, tumpuan diberikan kepada faktor pendorong yang menggalakkan jaringan kerja antara usahawan asnaf dengan pihak luar, termasuk pelanggan, pembekal, NGO, atau pihak berkepentingan lain. Aspek ini penting untuk dikenal pasti sama ada jaringan tersebut terjalin atas dasar semangat membantu golongan asnaf, nilai keagamaan, faktor bangsa, atau kerana status ekonomi usahawan itu sendiri. Abbas et al. (2019) menegaskan bahawa kecenderungan usahawan untuk membentuk jaringan kerja yang berkesan dapat menyumbang kepada prestasi perniagaan yang lebih lestari. Mereka turut mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan bagi membangunkan satu model yang holistik dan sistematik dalam memahami bagaimana keupayaan dinamik organisasi dapat menyokong kelestarian perniagaan.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu belum memberikan tumpuan khusus kepada usahawan asnaf, dan oleh itu, dapatan sedia ada masih bersifat umum serta boleh diaplikasikan kepada pelbagai kumpulan usahawan. Berdasarkan perbincangan dan dapatan kajian yang telah dikemukakan, maka hipotesis kajian ini dirumuskan seperti berikut:

H₃: Faktor jaringan kerja mempunyai pengaruh positif terhadap kelestarian perniagaan usahawan asnaf.

3. Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan dan analisis data dijalankan menggunakan kaedah *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM). Pendekatan ini sesuai digunakan untuk menguji hubungan sebab-akibat antara pemboleh ubah laten dan sesuai bagi kajian eksploratori yang melibatkan model teori yang kompleks. Analisis dilakukan dengan menggunakan perisian SmartPLS 4.0. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang dibangunkan berdasarkan konstruk yang telah disahkan dalam kajian lepas. Instrumen kajian ini diadaptasi dari Hashim et al. (2020). Sebanyak 347 data daripada usahawan asnaf di Kelantan, Terengganu dan Pahang berjaya dikumpulkan. Kaedah pensampelan yang digunakan adalah pensampelan berstrata.

Dalam PLS-SEM, model struktur dianalisis dengan menilai pekali laluan (*path coefficient*) dan nilai statistik-t (*T-statistics*) bagi setiap hubungan antara pemboleh ubah. *Path coefficient* menunjukkan arah dan kekuatan kesan langsung antara pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Nilai pekali ini berada dalam julat -1 hingga +1; nilai positif menunjukkan kesan sehalu yang positif, manakala nilai negatif menunjukkan kesan yang songsang. Semakin hampir nilai pekali kepada ± 1 , semakin kuat pengaruhnya.

Bagi menentukan sama ada kesan tersebut adalah signifikan secara statistik, analisis *bootstrapping* digunakan untuk menghasilkan nilai T-statistics dan nilai *p* yang sepadan. Nilai

T-statistics digunakan untuk menguji hipotesis dan dibandingkan dengan nilai ambang yang ditetapkan. Nilai ambang signifikan yang lazim digunakan adalah seperti berikut:


- $T \geq 1.645$ menunjukkan signifikan pada aras $p < 0.10$ (signifikan lemah)
- $T \geq 1.96$ menunjukkan signifikan pada aras $p < 0.05$
- $T \geq 2.58$ menunjukkan signifikan pada aras $p < 0.01$
- $T \geq 3.29$ menunjukkan signifikan pada aras $p < 0.001$

Hubungan dianggap disokong apabila nilai t melepasi salah satu ambang ini, bergantung kepada tahap signifikan yang ditetapkan oleh penyelidik. Gabungan interpretasi *path coefficient* dan nilai *T-statistics* membolehkan penilaian yang menyeluruh tentang kekuatan dan kesignifikanan hubungan antara pemboleh ubah dalam model kajian.

4. Dapatan Kajian

Berdasarkan keputusan analisis model struktur menggunakan pendekatan PLS-SEM di Rajah 2, didapati bahawa dua daripada tiga pemboleh ubah bebas menunjukkan kesan signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar, iaitu simpanan dan jaringan kerja.

Rajah 2: Hasil Analisis Model PL



Petunjuk: S= Simpanan, BZ= Bantuan Zakat, JK= Jaringan Kerja, KP= Kelestarian Perniagaan

Jadual 1: Dapatan Hipotesis Kajian

Bil.	Pemboleh ubah	Pekali Laluan	T Statistics	Keputusan
1	Simpanan Terhadap Kelestarian	0.318	5.087	Disokong
2	Bantuan Zakat Terhadap Kelestarian	0.023	0.505	Tidak Disokong
3	Jaringan Kerja Terhadap Kelestarian	0.193	2.764	Disokong

Hasil analisis model seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 mendapati bahawa dua daripada tiga hipotesis yang diuji telah disokong secara signifikan, iaitu hubungan antara simpanan dan jaringan kerja terhadap kelestarian perniagaan. Analisis laluan menunjukkan bahawa pemboleh ubah simpanan mempunyai pengaruh langsung yang positif dan signifikan terhadap kelestarian perniagaan dengan nilai pekali laluan ($\beta = 0.318$) dan nilai $t = 5.087$, melebihi nilai ambang signifikan 1.96. Dapatan ini menegaskan bahawa amalan simpanan dalam kalangan usahawan asnaf memainkan peranan penting dalam memastikan keupayaan

mereka mengekalkan operasi perniagaan secara mampan. Usahawan yang berdisiplin dalam pengurusan simpanan berpotensi untuk membina ketahanan kewangan, mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan luar, dan mempunyai daya tindak yang lebih baik terhadap perubahan pasaran serta risiko perniagaan.

Sebaliknya, bantuan zakat menunjukkan pengaruh yang positif tetapi tidak signifikan secara statistik terhadap kelestarian perniagaan ($\beta = 0.023$; $t = 0.505$). Ini menunjukkan bahawa walaupun bantuan zakat dapat membantu usahawan asnaf pada peringkat awal perniagaan, impaknya terhadap kelangsungan jangka panjang masih terhad. Kemungkinan besar bantuan zakat lebih bersifat jangka pendek dan tidak disertai dengan strategi pembangunan keusahawanan yang menyeluruh. Oleh itu, bantuan ini perlu digerakkan bersama elemen sokongan lain seperti bimbingan, latihan perniagaan dan akses pasaran bagi memastikan keberkesanan yang berterusan.

Sementara itu, jaringan kerja didapati memberi kesan positif dan signifikan terhadap kelestarian perniagaan ($\beta = 0.193$; $t = 2.764$). Dapatan ini mengesahkan bahawa jaringan sosial dan profesional yang luas membolehkan usahawan asnaf memperoleh maklumat, peluang perniagaan, serta sokongan moral dan material yang penting untuk pertumbuhan perniagaan. Usahawan yang aktif membina jaringan dengan komuniti, agensi sokongan, dan rakan perniagaan cenderung lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran ekonomi dan pasaran.

Secara keseluruhannya, keputusan ini menunjukkan bahawa kelestarian perniagaan asnaf lebih banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti simpanan dan jaringan kerja berbanding bantuan zakat. Ini sejajar dengan kerangka Teori *Resource-Based View* (RBV) yang menekankan kepentingan sumber dalaman yang bernilai, jarang dan sukar ditiru sebagai asas kepada kelebihan daya saing yang mampan. Oleh itu, pendekatan pembangunan usahawan asnaf perlu memberi penekanan kepada pengukuhan sumber dalaman khususnya pengurusan kewangan dan pembinaan jaringan agar transformasi ke arah keusahawanan mampan dapat direalisasikan secara lebih berkesan.

5. Perbincangan Dan Rumusan

Hasil analisis PLS-SEM menunjukkan bahawa daripada tiga pemboleh ubah yang diuji, hanya simpanan dan jaringan kerja mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap kelestarian perniagaan, manakala bantuan zakat tidak menunjukkan kesan yang signifikan secara statistik. Dapatan ini menggambarkan bahawa keupayaan dalaman usahawan asnaf dalam mengurus sumber kewangan sendiri serta membina jaringan sosial dan perniagaan yang kukuh memainkan peranan yang lebih penting dalam memastikan kelangsungan perniagaan berbanding kebergantungan terhadap bantuan luaran. Secara keseluruhannya, hasil ini menunjukkan bahawa kelestarian perniagaan asnaf lebih banyak dipacu oleh kekuatan sumber dalaman seperti simpanan dan jaringan kerja berbanding bantuan zakat.

Penemuan ini sejajar dengan Teori *Resource-Based View* (RBV) yang menegaskan bahawa kelebihan daya saing mampan berpunca daripada sumber yang bernilai, jarang, sukar ditiru dan tidak mudah diganti. Dalam konteks usahawan asnaf miskin, sumber ini bukan sahaja melibatkan aset kewangan, tetapi juga jaringan kerja dan sosial yang menjadi saluran kepada peluang pasaran, sokongan perniagaan dan pengetahuan strategik. Oleh itu, usaha memperkasa usahawan asnaf miskin perlu memberi tumpuan kepada pengukuhan kapasiti dalaman, khususnya dalam pengurusan kewangan berasaskan simpanan dan pembangunan jaringan kerja strategik, bagi memastikan transformasi ke arah keusahawanan mampan dapat direalisasikan secara lebih berkesan.

Implikasinya kepada bidang akademik dan dasar awam amat signifikan. Dapatan ini menegaskan bahawa strategi pembangunan asnaf tidak boleh hanya bergantung pada bentuk bantuan kewangan jangka pendek, tetapi perlu berasaskan kepada pengukuhan sumber

dalamnya yang membolehkan mereka berdaya saing secara lestari. Bagi pihak pembuat dasar dan institusi zakat, pendekatan ini boleh dijadikan asas dalam merangka intervensi yang lebih holistik bukan sekadar memberikan bantuan, tetapi membina keupayaan sebenar melalui pendidikan kewangan, jaringan sokongan dan pembangunan komuniti usahawan yang saling memperkuat.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan awal kajian pengajian Doktor Falsafah (PhD) yang sedang dijalankan dengan sokongan Hadiah Cuti Belajar daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Pengakuan

Sekitar 10% daripada manuskrip ini telah dibantu oleh alat kecerdasan buatan (AI), khususnya *ChatGPT (OpenAI)*, dalam aspek seperti pembetulan bahasa dan draf awal. Semua kandungan telah disemak dan disahkan oleh para penulis.

RUJUKAN

- Abang Abai, D. S., Awang, M. D., Mohd Yusoff, A. N., Ab. Majid, A., & Hamli, H. (2020). Bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia: Kajian empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93–99. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.353>
- Abbas, J., Raza, S., Nurunnabi, M., Minai, M. S., & Bano, S. (2019). The impact of entrepreneurial business networks on firms' performance through a mediating role of dynamic capabilities. *Sustainability*, 11(11). <https://doi.org/10.3390/su11113006>
- Abd Rahman, I., Rusli, M. A., Othman, A. S., & Aziz, A. (2020). Financial literacy of public sector employees: Issues and challenges. *Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance*, 2(3), 13–25. <https://doi.org/10.35631/aijbaf.23002>
- Abd Rashid, M., Wahid, H., & Ahmad, S. (2018). Analisis faktor penentu kualiti pengurusan zakat: Kajian terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Sepang. *Journal of Fatwa Management and Research*, 11(1). <https://www.jfatwa.usim.edu.my>
- Abdul Manaf, A., Omar, N. H., & Yee, L. K. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. *Journal of Sciences and Humanities*, 7(1), 34–45.
- Abdull Rahman, N. L., Ahmad, Z., Muhamad Yusuf, N. H., Abdul Pisal, N., Mhd Nasir, N. F., & Mohd Nor, K. N. (2023). Pengurusan kewangan dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) negeri Perlis: Kajian konseptual. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 8(46). <https://doi.org/10.55573/IJAFB.084619>
- Abdullah, A., & Kasmi, M. (2024). Examining the effects of entrepreneurial mindset, digital marketing innovation and networking on SME performance. *Journal of System and Management Sciences*, 14(6). <https://doi.org/10.33168/jsms.2024.0608>
- Ahmad, N. A., & Yusop, N. (2021). Level of financial management among small and medium enterprise entrepreneurs in Kerteh District. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 3(3), 25–35.
- Ahmad, S., & Abdul Rahman, R. (2011). Strategi pembangunan keusahawanan asnaf fakir dan miskin melalui agihan bantuan modal zakat. *Jurnal Pengurusan*, 33, 37–44. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2011-33-03>
- Ali Amaran, M., & Hamzah, M. S. (2021). Faktor penglibatan, ciri personaliti dan cabaran usahawan siswazah dalam bidang keusahawanan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 207–216. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1091>
- Aljabri, M., & Mohammad, R. M. A. (2023). Click fraud detection for online advertising using machine learning. *Egyptian Informatics Journal*, 24(2), 341–350. <https://doi.org/10.1016/j.eij.2023.05.006>
- Awang @ Mohd Noor, N. H., Othman, N., & Sa'at, N. H. (2021). Pembentukan usahawan kraf tangan wanita di Malaysia: Peranan sikap, warisan keluarga dan pembudayaan nilai agama. *Jurnal Kajian Malaysia*, 39(2), 153–178. <https://doi.org/10.21315/km2021.39.2.7>

- Ayob, A., Amar Aziz, M., Ayob, N. H., Fathanah, S. N., Hamid, A., & Ahmad, Y. (2023). Peranan institusi dalam pembangunan keusahawanan wanita: Kajian literatur modal insan, daya saing dan keusahawanan digital. *Journal of Administrative Science*, 20(1), 191–212.
- Berne-Manero, C., & Marzo-Navarro, M. (2020). Exploring how influencer and relationship marketing serve corporate sustainability. *Sustainability*, 12(11). <https://doi.org/10.3390/su12114392>
- Bii, P. K., Mutai, N. C., & Rotich, R. K. (2024). Effects of financial literacy on sustainable entrepreneurship among youths in Bomet County, Kenya. *Asian Journal of Economics, Business and Accounting*, 24(3), 34–46. <https://doi.org/10.9734/ajeba/2024/v24i31239>
- Chungyalpa, W., & von Rosing, M. (2025). Understanding business sustainability: The what, the why, and the how of sustainable business practices. *The Sustainability Handbook*, 1(2), 579–600. <https://doi.org/10.1016/B978-0-323-90110-9.00038-6>
- Dina, S., Adnan, M., Mohd, N., Farhana, M., Faizal, M., Rameli, P., Shariff, D., Amirah, S., & Abas, H. (2021). Agihan modal zakat terhadap usahawan tani asnaf: Satu tinjauan awal di Malaysia. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 3(1), 9–16. <http://www.cipsf.my/#>
- Evans, S., Vladimirova, D., Holgado, M., Van Fossen, K., Yang, M., Silva, E. A., & Barlow, C. Y. (2017). Business model innovation for sustainability: Towards a unified perspective for creation of sustainable business models. *Business Strategy and the Environment*, 26(5), 597–608. <https://doi.org/10.1002/bse.1939>
- Hasan, N. H., & Ab Halim, H. (2021). Kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan antara program pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan kejayaan perniagaan. *Management Research Journal*, 10(1), 42–57. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.1.4.2021>
- Hashim, N., Othman, A., Mohamad, A., & Hussin, M. N. M. (2020). Level of performance and factors that affect the business of asnaf entrepreneurs in the Jayadiri Aid Programme: A descriptive analysis. *International Journal of Islamic Business*, 5(1), 46–58.
- Ibrahim, M. F., & Ali, M. N. (2024). Kerangka model asnafpreneur melalui dana zakat. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 18(2), 107–114.
- Kadir, A. Z., & Wijaya, A. (2024). Efektivitas pemanfaatan dana zakat produktif dan pengaruhnya terhadap tingkat pendapatan mustahik. *Jurnal Kolaboratif Sains*, 7(7), 2451–2459. <https://doi.org/10.56338/jks.v7i7.5511>
- Karami, M., & Tang, J. (2019). Entrepreneurial orientation and SME international performance: The mediating role of networking capability and experiential learning. *International Small Business Journal*, 37(2), 105–124. <https://doi.org/10.1177/0266242618807275>
- Labanihuda, N., & Rahman, A. (2023). Pengurusan kewangan dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) negeri Perlis: Kajian konseptual. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 8(46), 276–286. <https://doi.org/10.55573/IJAFB.084619>
- Mat Rani, M. A., Ahmad Rosli, M. S. D., Moidin, S., Mohd Arif, M. I. A., Adenan, F., & Khairuldin, N. F. (2020). Pembangunan keusahawanan asnaf luar bandar di negeri Pahang. *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance*, 2(1), 48–60. https://doi.org/10.24191/jipsf/v2n12020_48-60
- Moen, J. A., Rafli, A., & Omar, C. (2012). Amalan pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan asnaf. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia*, 2, 762–769.
- Mohd Arif, M. I. A. (2021). Kerangka pembangunan insan dalam mengupaya keusahawanan asnaf: Rasulullah SAW sebagai model usahawan. *Sains Insani*, 6(3). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.368>
- Mohd Azamri, K., & Ibrahim, M. A. (2024). Pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf zakat: Kajian kes di MAIDAM, Terengganu. *Jurnal 'Ulwan*, 9, 1–13.
- Mohd Khalil, N., & Mohamed Saniff, S. (2024). Skim pembiayaan bantuan modal untuk usahawan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 18(2).
- Mohd Noor, N. H., Omar, N., Md Zaini, S., Mohd Beta, R. M. D., & Wei, C. L. (2024). Assessing financial literacy of female entrepreneurs in the informal economy: Empirical evidence from micro businesses in Malaysia. *Information Management and Business Review*, 3(October), 1036–1049. [https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3\(I\)S.4135](https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3(I)S.4135)
- Mohd Yusof, M. Z., Tahir, Z., Abdul Malek, J., & Salman, A. (2020). Cabaran usahawan muda dalam industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 355–366. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.614>
- Nor Azira Ayob, Sity Daud, & Muhamad Takiyuddin Ismail. (2017). Modal insan, daya saing dan prestasi usahawan wanita di Malaysia: Analisis kualitatif usahawan wanita Bumiputera di Melaka. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 56–67.
- Pomeranz, D., & Kast, F. (2024). Savings accounts to borrow less. *Journal of Human Resources*, 59(1), 70–108. <https://doi.org/10.3368/jhr.0619-10264R3>
- Pulka, B., Salisu, Y., Musa Pulka, B., Umar, B., & Shakir, K. A. (2020). Entrepreneurial awareness, access to finance, market orientation, viable business plan and performance of telecommunication SMEs.

- International Journal of Business and Technopreneurship*, 10(2). <https://www.researchgate.net/publication/354691547>
- Rahman, R. A., & Othman, Y. H. (2021). Cabaran COVID-19: Literasi kewangan peribadi sebagai penentu kesejahteraan kewangan dalam kalangan usahawan asnaf negeri Kedah. *International Journal of Muamalat*, 5(1).
- Silvestri, C., Silvestri, L., Piccarozzi, M., & Ruggieri, A. (2024). Toward a framework for selecting indicators to measure sustainability and the circular economy in the agri-food sector: A systematic literature review. *International Journal of Life Cycle Assessment*, 29(8). <https://doi.org/10.1007/s11367-022-02032-1>
- Soukotta, A., Sampe, F., Nindya Putri, A. P. A., Cakranegara, P. A., & Yusuf, M. (2022). Financial literacy and savings behavior among female entrepreneurs in Kiaracandong Market, Bandung City. *Jurnal Darma Agung*, 30(2), 652–662.
- Saufi, S., & Abu Hasan Shaari, M. A. (2023). Strategi pembangunan perniagaan melalui jaringan sosial dalam kalangan usahawan asnaf di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 3(2), 64–73.
- Saufi, S., Tuan Noor, T. M. S., & Abu Hasan Shaari, M. A. (2021). Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan usahawan di kalangan asnaf di Malaysia : Satu tinjauan literatur. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 1(2), 61–67.
- Suffian, M., Esa, M., Nur, W., Mohamad, W., & Rahim, N. (2024). Keberkesanan bantuan zakat pendidikan terhadap generasi kedua asnaf: Kajian kes di Lembah Klang. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 7(1), 64–79.
- Sulhaini, S., Saufi, A., Herman, L. E., & Scott, N. (2024). Network behaviour for tourism business resilience. *Tourism and Hospitality Research*, 24(3), 431–446. <https://doi.org/10.1177/14673584231151900>
- Thomassen, M. L., Williams Middleton, K., Ramsgaard, M. B., Neergaard, H., & Warren, L. (2020). Conceptualizing context in entrepreneurship education: A literature review. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour and Research*, 26(5), 863–886. <https://doi.org/10.1108/IJEBr-04-2018-0258>
- Torkkeli, L., Kuivalainen, O., Saarenketo, S., & Puimalainen, K. (2019). Institutional environment and network competence in successful SME internationalisation. *International Marketing Review*, 36(1), 31–55. <https://doi.org/10.1108/IMR-03-2017-0057>
- Yakob, S., Fahrizal, A., & Muhammad, A. (2021). Hubungan antara literasi kewangan dan prestasi perusahaan kecil dan sederhana: Dimensi pengurusan kewangan dan literasi. *International Journal of Muamalat*, 5(1), 55–75. https://ijm.unishams.edu.my/images/pdf_file/vol_5_dec2021/IJM_2021_eISSN_5.pdf